



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 1

9hb Januari 2003

*TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 5.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

**KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah-
kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan
4. Fi pentadbiran
5. Pengecualian bayaran fi dalam hal tertentu
6. Deposit
7. Pengecualian fi sepenuhnya dalam perkara khusus
8. Memanggil mesyuarat agung tahunan perbadanan pengurusan yang pertama

Kaedah-
kaedah

9. Kuorum dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama
10. Pengerusi mesyuarat agung tahunan yang pertama
11. Keputusan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama
12. Cara memutuskan persoalan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama
13. Proksi
14. Hak-hak mengundi bagi pemilik
15. Hak-hak mengundi pemilik bersama
16. Rekod bilangan undi dalam pemilihan ahli-ahli majlis
17. Pencalonan untuk dipilih sebagai ahli majlis
18. Pengkelasan bangunan sebagai bangunan kos rendah dan pengeluaran perakuan
19. Penyenggaraan daftarai strata
20. Permohonan untuk melantik orang atau badan untuk menjalankan kuasa, dsb. perbadanan pengurusan

JADUAL I

JADUAL II

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 81 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 9 Januari 2003.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Akta” ertinya Akta Hakmilik Strata 1985;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya;

“Pihak berkuasa awam” ertinya Perbadanan Putrajaya atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan; dan

“Wilayah Persekutuan” ertinya Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Permohonan

3. Tiap-tiap permohonan, selain daripada permohonan yang borangnya telah ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta, hendaklah dibuat secara bertulis dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual II kepada Kaedah-Kaedah ini.

Fi pentadbiran

4. Fi yang kena dibayar bagi berbagai-bagai permohonan dan tindakan di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I kepada Kaedah-Kaedah ini.

Pengecualian bayaran fi dalam hal tertentu

5. Walau apa pun kaedah 4, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam mana-mana kes atau berkenaan dengan kawasan tertentu boleh memberi pengecualian sebahagian atau keseluruhan bayaran fi yang ditetapkan.

Deposit

6. (1) Notis meminta deposit sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 9(2)(c) Akta hendaklah dibuat dalam Borang A.

(2) Surat dalam Borang B hendaklah disertakan bersama-sama dengan tiap-tiap bayaran deposit.

Pengecualian fi sepenuhnya dalam perkara khusus

7. Walau apa pun kaedah 4, tiada fi kena dibayar berkeenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

- (i) permohonan oleh mana-mana pihak berkuasa awam untuk memecah bahagi sebuah bangunan kos rendah;
- (ii) permohonan oleh mana-mana perbadanan pengurusan di bawah seksyen 67 Akta; dan
- (iii) permohonan oleh mana-mana pihak berkuasa awam untuk mengkelaskan bangunannya menjadi bangunan kos rendah dan dikeluarkan perakuan dalam Borang J.

Memanggil mesyuarat agung tahunan perbadanan pengurusan yang pertama

8. (1) Pemilik asal, selain daripada pemilik bangunan kos rendah, hendaklah memanggil mesyuarat agung tahunan perbadanan pengurusan yang pertama dalam tempoh satu bulan selepas tamatnya tempoh permulaan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 41 Akta dengan memberikan notis secara bertulis berhubung mesyuarat itu dalam Borang C kepada semua pemilik petak yang membentuk perbadanan pengurusan tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat itu.

(2) Pemilik asal bangunan kos rendah hendaklah memanggil mesyuarat agung tahunan perbadanan pengurusan yang pertama dalam tempoh satu bulan daripada penubuhan perbadanan pengurusan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 65 Akta dengan memberikan notis secara bertulis berhubung mesyuarat itu dalam Borang D kepada semua pemilik petak yang membentuk perbadanan pengurusan tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat.

Kuorum dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama

9. (1) Setengah daripada bilangan orang yang berhak mengundi hendaklah menjadi suatu kuorum dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama.

(2) Jika dalam masa setengah jam selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat agung itu, suatu kuorum tidak ada, mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada hari yang sama pada minggu yang berikutnya di tempat dan pada masa yang sama, dan jika dalam mesyuarat yang ditangguhkan itu suatu kuorum tidak juga ada dalam masa setengah jam selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, mereka yang berhak mengundi yang hadir hendaklah menjadi suatu kuorum.

Pengerusi mesyuarat agung tahunan yang pertama

10. Mesyuarat agung tahunan yang pertama hendaklah dipengerusikan oleh seorang pengerusi yang hendaklah dipilih, daripada sesama mereka, oleh mereka yang hadir dan yang berhak mengundi.

Keputusan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama

11. (1) Agenda bagi mesyuarat agung tahunan yang pertama perbadanan pengurusan bagi mana-mana bangunan yang dipecah bahagi, selain daripada bangunan kos rendah, hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

- (a) memutuskan sama ada untuk mengesahkan, mengubah atau melanjutkan insurans yang diambil oleh perbadanan pengurusan;

- (b) memutuskan sama ada untuk mengesahkan atau mengubah apa-apa amaun yang ditentukan sebagai caruman kepada kumpulan wang pengurusan;
 - (c) menentukan bilangan ahli-ahli majlis dan memilih ahli-ahli majlis jika terdapat lebih daripada tiga orang pemilik petak; dan
 - (d) memutuskan sama ada untuk meminda, menambah atau memansuhkan undang-undang kecil yang berkuat kuasa sebelum sahaja mesyuarat diadakan.
- (2) Agenda bagi mesyuarat agung tahunan yang pertama berkenaan dengan bangunan kos rendah hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:
- (a) memutuskan sama ada perbadanan pengurusan hendaklah menguruskan bangunan yang telah dipecah bahagi itu mengikut peruntukan Akta atau memohon kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk melantik orang perseorangan atau satu badan untuk diberikan tanggungjawab, kuasa dan fungsi pemilik asal sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta;
 - (b) jika sekiranya perbadanan pengurusan memutuskan untuk bertindak di bawah peruntukan Akta—
 - (i) memutuskan sama ada untuk mengesahkan, mengubah atau melanjutkan insurans yang diambil oleh pemilik asal;
 - (ii) memutuskan sama ada untuk mengesahkan atau mengubah apa-apa amaun yang ditentukan sebagai caruman kepada kumpulan wang pengurusan;
 - (iii) menentukan bilangan ahli-ahli majlis dan memilih ahli-ahli majlis jika terdapat lebih daripada tiga orang pemilik petak; dan
 - (iv) memutuskan sama ada untuk meminda, menambah atau memansuhkan undang-undang kecil yang berkuat kuasa sebelum sahaja mesyuarat diadakan.

Cara memutuskan persoalan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama

12. (1) Suatu ketetapan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama hendaklah diputuskan secara angkat tangan melainkan jika suatu pengundian dituntut oleh seorang pemilik atau proksinya.

(2) Melainkan jika suatu pengundian dituntut, suatu pengisytiharan oleh pengerusi bahawa suatu ketetapan telah dijalankan secara angkat tangan, hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai fakta itu.

(3) Tuntutan mengadakan pengundian boleh ditarik balik.

(4) Jika suatu pengundian dibuat, pengundian itu hendaklah dijalankan dengan apa jua cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh pengerusi, dan keputusan pengundian itu hendaklah direkodkan dengan menggunakan Borang E dan hendaklah disifatkan menjadi ketetapan mesyuarat.

(5) Dalam hal bilangan undi yang sama banyak (sama ada dengan cara angkat tangan atau pengundian) pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus.

Proksi

13. (1) Dengan cara angkat tangan atau pengundian, undi boleh dibuang sama ada secara sendiri atau melalui proksi.

(2) Suatu surat cara yang melantik seorang proksi (tidak semestinya seorang pemilik) hendaklah secara bertulis dalam Borang F dengan ditandatangani oleh orang yang membuat pelantikan itu atau wakilnya.

Hak-hak mengundi bagi pemilik

14. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), setiap pemilik yang bukannya pemilik bersama hendaklah mempunyai satu undi secara angkat tangan, dan dalam suatu pengundian hendaklah mempunyai bilangan undi yang sama dengan bilangan unit syer yang diuntukkan kepada petaknya.

(2) Kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki, tiada pemilik berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama melainkan jika semua caruman kepada kumpulan wang pengurusan perbadanan berkenaan dengan petaknya telah dibayar dengan sewajarnya.

Hak-hak mengundi pemilik bersama

15. (1) Pemilik bersama boleh mengundi melalui suatu proksi yang dilantik secara bersesama.

(2) Semasa ketiadaan proksi, pemilik bersama tidaklah berhak mengundi secara angkat tangan kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki:

Dengan syarat bahawa mana-mana pemilik bersama boleh menuntut suatu pengundian.

(3) Apabila suatu pengundian dibuat, setiap pemilik bersama adalah berhak mendapat sekian banyak undi yang diuntukkan kepada petaknya yang berkadaran dengan kepentingannya dalam petak itu.

Rekod bilangan undi dalam pemilihan ahli-ahli majlis

16. Dalam menjalankan pemilihan ahli-ahli majlis dalam mesyuarat itu, bilangan undi yang diperolehi oleh setiap calon hendaklah direkodkan dalam Borang G.

Pencalonan untuk dipilih sebagai ahli majlis

17. Bagi maksud memilih ahli-ahli majlis di mesyuarat agung tahunan yang pertama bagi perbadanan pengurusan, pemilik asal boleh pada bila-bila masa sebelum mesyuarat itu menghantar suatu notis bertulis dalam Borang H kepada semua pemilik petak menjemput penamaan calon-calon yang hendak dipilih sebagai ahli-ahli majlis perbadanan pengurusan dengan memberikan tarikh bila mereka dikehendaki mengemukakan borang penamaan mereka.

Pengkelasan bangunan sebagai bangunan kos rendah dan pengeluaran perakuan

18. (1) Permohonan daripada pemilik mana-mana tanah yang diberi hakmilik bagi maksud mengkelaskan mana-mana bangunan menjadi bangunan kos rendah di bawah seksyen 58 Akta hendaklah dibuat dalam Borang I.

(2) Apabila mana-mana bangunan dikelaskan sebagai bangunan kos rendah, suatu perakuan sebagaimana dalam Borang J hendaklah dikeluarkan kepada pemilik tanah itu.

Penyenggaraan daftarai strata

19. (1) Setiap perbadanan pengurusan hendaklah menyediakan dan menyenggara suatu daftarai strata bagi bangunan yang telah dipecah bahagi menurut seksyen 43 Akta.

(2) Daftarai strata hendaklah mengandungi daftar untuk merekodkan butir-butir yang berhubungan dengan petak individu dan blok sementara (sekiranya ada) dan hendaklah dibuat dalam Borang K.

Permohonan untuk melantik orang atau badan untuk menjalankan kuasa, dsb. perbadanan pengurusan

20. (1) Permohonan oleh pemilik petak atau mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar dalam suatu petak menurut seksyen 50 Akta hendaklah dibuat dalam Borang L.

(2) Permohonan oleh perbadanan pengurusan bangunan kos rendah menurut seksyen 67 Akta hendaklah dibuat dalam Borang M.

JADUAL I

FI PENTADBIRAN

(Kaedah 4)

<i>Butiran</i>	<i>Peruntukan berkaitan dalam Akta Hakmilik Strata 1985</i>	<i>Borang berkaitan dalam Akta Hakmilik Strata 1985</i>	(RM)
1. Permohonan bagi pecah bahagian bangunan	S.10	1	300.00 atau 10.00 setiap petak atau blok sementara, yang mana lebih tinggi
2. Pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata	S.16	4	30.00

<i>Butiran</i>	<i>Peruntukan berkaitan dalam Akta Hakmilik Strata 1985</i>	<i>Borang berkaitan dalam Akta Hakmilik Strata 1985</i>	(RM)
3. Permohonan untuk pengeluaran hakmilik strata berasingan setelah siap bangunan berkenaan dengan hakmilik strata sementara	S.20	5	300.00 atau 10.00 setiap petak atau blok sementara, yang mana lebih tinggi
4. Permohonan untuk memecah petak	S.28	6	200.00
5. Permohonan untuk menyatukan petak	S.28	7	200.00
6. Permohonan untuk melantik seseorang atau suatu badan untuk menjalankan kewajipan dan fungsi perbadanan pengurusan	S.50		50.00
7. Memfailkan pemberitahuan bagi cadangan menamatkan pecah bahagian bangunan yang dipecah bahagi	S.57	8	10.00
8. Permohonan untuk mengelaskan bangunan sebagai bangunan kos rendah dan mengeluarkan suatu perakuan	S.58		10.00
9. Permohonan lain yang tidak diperuntukkan			30.00

JADUAL II

BORANG

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003
(Subkaedah 6(1))

Borang A

NOTIS MEMINTA DEPOSIT DI BAWAH PERENGGAN 9(2)(c)

(Rujukan.....) Pejabat Tanah.....
.....
.....
Tarikh

Kepada
beralamat.....
.....

Permohonan Pecah Bahagi Bangunan
Melibatkan Blok Sementara Bagi
No. Hakmilik
No. Lot

Menurut perenggan 9(2)(c) Akta Hakmilik Strata 1985, tuan dikehendaki membayar deposit berkenaan setiap blok sementara dan mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang bermaksud bahawa tuan bersetuju bahawa deposit itu dilucuthakkan kepada Kerajaan sekiranya blok sementara itu tidak siap, atau sekiranya siap, tidak diperakukan selamat untuk diduduki atau digunakan pada tarikh yang diberikan atau tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian.

2. Pengarah Tanah dan Galian telah menetapkan amaun deposit seperti yang berikut:

(a) berkenaan dengan blok sementara P1	RM
(b) berkenaan dengan blok sementara P2	RM
(c) berkenaan dengan blok sementara P3	RM
(d) dsb.	RM

Jumlah	RM	_____

3. Bayaran bagi jumlah di atas hendaklah dibuat di pejabat ini dan hendaklah disertakan dengan surat seperti borang yang dilampirkan yang memasukkan pernyataan yang dikehendaki oleh perenggan 9(2)(c) Akta.

4. Sila ambil perhatian sekiranya kehendak di atas tidak dipatuhi pada atau sebelum.....permohonan tuan akan disyorkan supaya ditolak.

.....
Pentadbir Tanah,
.....
.....

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 6(2))

Borang B

SURAT MENGEMUKAKAN BAYARAN DEPOSIT DAN MEMBERI PERNYATAAN YANG DIKEHENDAKI OLEH PERENGGAN 9(2)(c)

.....
(Nama pemohon)

.....
(Alamat pemohon)

.....
Tarikh

Pentadbir Tanah,

.....
.....

Tuan,

Permohonan bagi Pecah Bahagi Bangunan
Melibatkan Blok Sementara Bagi

No. Hakmilik.....

No. Lot.....

Merujuk surat tuan rujukan.....bertarikh.....mengenai perkara di atas,
saya/kami, yang menurunkan tandatangan di bawah ini, KP. No./sebuah syarikat
diperbadankan di no. pendaftaran syarikat/perniagaan (sekiranya berkaitan)
.....mengemukakan bersama ini bayaran deposit berjumlahberkenaan
dengan blok-blok sementara
(masukkan nombor setiap blok sementara)

atas tanah Hakmilik No.

Lot No.

*Saya/Kami dengan ini bersetuju deposit di atas dilucuthakkan kepada Kerajaan sekiranya blok
sementara/blok-blok sementara tidak dapat disiapkan, atau sekiranya siap, tidak diperaku layak
untuk diduduki atau digunakan pada tarikh-tarikh yang diberikan di bawah:

Blok Sementara

Tarikh

- P1
- P2
- P3
- dsb.

atau pada tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian.

Yang benar,

.....
#Tandatangan Pemohon

* Potong mana yang tidak berkenaan.

Sekiranya pemohon adalah sebuah syarikat, surat ini perlu ditandatangani oleh dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah yang diberi kuasa dengan sewajarnya dan dimeterai dengan meterai syarikat.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 8(1))

Borang C

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG PERTAMA

Kepada:

.....
*Pemilik/Pemegang Gadaian Petak No:
.....

Notis mengenai agenda yang akan dibincangkan di mesyuarat agung tahunan yang pertama yang akan diadakan pada haribulan 20.....
pada pukul pagi/petang/malam bertempat di

AGENDA

- (i) untuk memutuskan sama ada hendak mengesahkan, mengubah atau melanjutkan insurans yang diambil oleh perbadanan pengurusan;
- (ii) untuk memutuskan sama ada akan mengesahkan atau mengubah apa-apa jua amaun yang ditentukan sebagai caruman kepada kumpulan wang pengurusan;
- * (iii) untuk menentukan bilangan ahli-ahli majlis dan memilih ahli-ahli majlis;
- (iv) untuk memutuskan sama ada akan meminda, menambah atau memansuhkan undang-undang kecil yang berkuat kuasa sebelum sahaja mesyuarat diadakan.
- (v)

Bertarikh haribulan 20.....

.....
Pemilik Asal

Sila ambil perhatian bahawa—

1. Secara angkat tangan atau melalui pengundian, undi boleh dibuang sama ada dengan sendirinya atau melalui proksi.
2. Seorang proksi tidak semestinya seorang pemilik.
3. Suatu surat cara yang melantik seorang proksi dalam borang yang ditetapkan dengan ditandatangani oleh orang yang membuat pelantikan itu atau wakilnya ada dilampirkan bersama-sama notis ini untuk kegunaannya, jika berkenaan.
4. Setiap pemilik yang bukannya seorang pemilik bersama hendaklah mempunyai satu undi secara angkat tangan, dan melalui pengundian hendaklah mempunyai bilangan undi yang sama dengan bilangan unit syer yang diuntukkan kepada petaknya.
5. Kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki, pemilik tidak berhak mengundi dalam mesyuarat ini melainkan jika semua caruman kepada kumpulan wang pengurusan perbadanan berkenaan dengan petaknya telah dibayar dengan sewajarnya.
6. Pemilik bersama boleh mengundi melalui suatu proksi yang dilantik secara bersesama.
7. Semasa ketiadaan proksi, pemilik bersama tidak berhak mengundi secara angkat tangan kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki.
8. Seorang pemilik bersama boleh menuntut diadakan suatu pengundian.
9. Semasa pengundian, setiap pemilik bersama adalah berhak mendapat sekian banyak undi yang diuntukkan kepada petaknya yang berkadaran dengan kepentingannya dalam petak itu.
10. Jika kepentingan seorang pemilik petak adalah tertakluk kepada gadaian berdaftar, dia tidak berhak mengundi melainkan jika dipersetujui sebaliknya di antara dia dan pemegang gadaian yang mula-mula berhak mengikut keutamaan.
11. Pemegang gadaian yang mula-mula berhak mengikut keutamaan berkenaan dengan gadaian berdaftar boleh sama ada mengundi dengan sendirinya atau melalui proksi melainkan jika hak untuk mengundi diberikan kepada pemilik petak itu.

NOTA:

Butiran bertanda * hanya terpakai jika terdapat lebih daripada tiga pemilik petak.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003
(Subkaedah 8(2))

Borang D

*NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG
PERTAMA BAGI BANGUNAN KOS RENDAH*

Kepada:

.....
*Pemilik / Pemegang Gadaian Petak No:

.....
Notis diberi bahawa urusan akan diselesaikan di mesyuarat agung tahunan yang pertama yang akan
diadakan pada..... haribulan 20pada
pukul.....pagi/petang/malam bertempat di

AGENDA

1. Memutuskan sama ada:
 - (a) bangunan yang dipecah bahagi akan diuruskan oleh perbadanan pengurusan mengikut peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985;

atau
 - (b) memohon kepada Menteri untuk melantik seorang atau sesuatu badan yang dipertanggungkan dengan kewajipan, kuasa dan fungsi pemilik asal di bawah Akta itu.
2. Jika sekiranya perbadanan pengurusan memutuskan untuk bertindak di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985—
 - (a) untuk memutuskan sama ada hendak mengesahkan, mengubah atau melanjutkan insurans yang diambil oleh pemilik asal;
 - (b) untuk memutuskan sama ada hendak mengesahkan atau mengubah apa-apa amaun yang ditentukan sebagai caruman kepada kumpulan wang pengurusan;
 - *(c) untuk menentukan bilangan ahli majlis dan memilih ahli majlis;
 - (d) untuk memutuskan sama ada hendak meminda, menambah atau memansuhkan undang-undang kecil yang berkuat kuasa sebelum sahaja mesyuarat diadakan.

Bertarikh.....haribulan....., 20.....

.....
Pemilik Asal

Sila ambil perhatian bahawa—

1. Secara angkat tangan atau melalui pengundian, undi boleh dibuang sama ada dengan sendirinya atau melalui proksi.
2. Seorang proksi tidak semestinya seorang pemilik.
3. Suatu surat cara yang melantik seorang proksi dalam borang yang ditetapkan dengan ditandatangani oleh orang yang membuat pelantikan itu atau wakilnya ada dilampirkan bersama-sama notis ini untuk kegunaannya, jika berkenaan.
4. Setiap pemilik yang bukannya seorang pemilik bersama hendaklah mempunyai satu undi secara angkat tangan, dan melalui pengundian hendaklah mempunyai bilangan undi yang sama dengan bilangan unit syer yang diuntukkan kepada petaknya.
5. Kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki, pemilik tidak berhak mengundi dalam mesyuarat ini melainkan jika semua caruman kepada kumpulan wang pengurusan perbadanan berkenaan dengan petaknya telah dibayar dengan sewajarnya.
6. Pemilik bersama boleh mengundi melalui suatu proksi yang dilantik secara bersesama.
7. Semasa ketiadaan proksi, pemilik bersama tidak berhak mengundi secara angkat tangan kecuali jika suatu ketetapan sebulat suara dikehendaki.
8. Seorang pemilik bersama boleh menuntut diadakan suatu pengundian.

9. Semasa pengundian, setiap pemilik bersama berhak mendapat sekian banyak undi yang diuntukkan kepada petaknya yang berkadaran dengan kepentingannya dalam petak itu.
10. Jika kepentingan seorang pemilik petak adalah tertakluk kepada gadaian berdaftar, dia tidak berhak mengundi melainkan jika dipersetujui sebaliknya di antara dia dan pemegang gadaian yang mula-mula berhak mengikut keutamaan.
11. Pemegang gadaian yang mula-mula berhak mengikut keutamaan berkenaan dengan gadaian berdaftar boleh sama ada mengundi dengan sendirinya atau melalui proksi melainkan jika hak untuk mengundi diberikan kepada pemilik petak itu.

NOTA:

Butiran bertanda * hanya terpakai jika terdapat lebih daripada tiga pemilik petak.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 12(4))

Borang E

PENGIRAAN TAHUNAN YANG PERTAMA PENGUNDIAN USUL

(TARIKH MESYUARAT AGUNG:)

<i>Bil. Usul</i>	<i>Cara Pengundian</i>	<i>*Sokong</i>	<i>*Tidak Sokong</i>	<i>Keputusan</i>
Bil. 1	Dengan cara angkat tangan Melalui pengundian	DITOLAK
	JUMLAH			DILULUSKAN
Bil. 2	Dengan cara angkat tangan Melalui pengundian	DITOLAK
	JUMLAH			DILULUSKAN
Bil. 3	Dengan cara angkat tangan Melalui pengundian	DITOLAK
	JUMLAH			DILULUSKAN
Bil. 4	Dengan cara angkat tangan Melalui pengundian	DITOLAK
	JUMLAH			DILULUSKAN

NOTA:

- * Dalam kes usul-usul bagi ketetapan biasa dan ketetapan sebulat suara, bilangan undi direkodkan. Dalam kes usul-usul bagi ketetapan khas, nilai undi (iaitu jumlah hak unit) direkod.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

(Kaedah 13)

Borang F

PELANTIKAN PROKSI

Kepada:

Pemilik Asal

.....
.....

*Saya/Kami

pemilik/pemilik-pemilik petak No.

DENGAN INI MELANTIKNo. KP:.....

(tandatangannya adalah seperti di bawah) sebagai proksi *saya/kami di mesyuarat agung tahunan yang pertama bagi perbadanan pengurusan yang akan diadakan pada haribulan

..... 20..... pada pukul pagi/petang/malam di

..... dan pada apa-apa penangguhnya.

Bertarikh..... haribulan, 20

.....
(Contoh Tandatangan Proksi)

.....
Tandatangan pemilik/pemilik-
pemilik petak

* Potong sebagaimana yang sesuai

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

(Kaedah 16)

Borang G

PENGIRA UNDI MAJLIS

<i>Nama Calon</i>	<i>Rekod Pengundian</i>	<i>Jumlah Undi</i>

BILANGAN JAWATAN UNTUK DIISI.....

1.denganundi
2.denganundi
3.denganundi
4.denganundi
5.denganundi
6.denganundi
7.denganundi

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

(Kaedah 17)

Borang H

NOTIS MEMPELAWA PENCALONAN SEBAGAI AHLI MAJLIS

Pemilik Petak,

Petak No.

.....

Pencalonan dipelawa bagi calon untuk dipilih sebagai ahli majlis perbadanan pengurusan dalam mesyuarat agung tahunan yang pertama bagi perbadanan yang akan diadakan pada

.....20.....jam..... pagi/petang/malam di

.....

Bersama-sama ini disertakan satu Borang Pencalonan yang perlu diisi dan dikembalikan kepada

saya tidak lewat dari jam.....pagi/petang/malam.....haribulan.....20.....

Bertarikh.....haribulan.....,20.....

.....
Pemilik Asal

BORANG PENAMAAN CALON UNTUK MENGANGGOTAI MAJLIS

Tarikh

Kepada:

Pemilik Asal,

.....

.....

.....

*Saya/Kami.....

*pemilik/pemilik-pemilik/pemilik/pemilik-pemilik bersama petak/petak-petak

..... yang berhak untuk mencalonkan calon-calon untuk dipilih sebagai ahli-ahli majlis perbadanan pengurusan di mesyuarat agung tahunan yang pertama yang akan diadakan

pada20..... di.....

jampagi/petang/malam.

DENGAN INI MENCALONKAN.....

KP. No. yang layak untuk dipilih sebagai seorang calon di mesyuarat itu.

Saya menerima pencalonan di atas

.....
Tandatangan Calon

.....
*Tandatangan Pencalon/
Pencalon-Pencalon*

*Potong sebagaimana yang sesuai

ARAHAN-ARAHAN KEPADA PENCALON/PENCALON-PENCALON

1. Borang pencalonan ini mesti diisi dengan teratur, jika tidak, pencalonan mungkin tidak akan diterima.
2. Nama penuh dan nombor kad pengenalan calon mestilah diisi dalam ruang yang berkenaan.
3. Borang pencalonan ini hendaklah dikemukakan kepada pemilik asal bangunan tidak lewat daripadaharibulan, 20

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 18(1))

Borang I

*PERMOHONAN BAGI SESUATU BANGUNAN DIKELASKAN
SEBAGAI BANGUNAN KOS RENDAH*

Kepada:
Pentadbir Tanah,

.....
.....

*Saya/Kami..... pemilik/pemilik-pemilik tanah yang
diperihalkan dalam jadual di bawah ini, beralamat di

.....
dengan ini memohon supaya bangunan yang dibina atas tanah yang diperihalkan dalam jadual di
bawah, dikelaskan sebagai suatu bangunan kos rendah bagi suatu perakuan dikeluarkan kepada
*saya/kami.

2. *Saya/Kami kemukakan bersama ini—
- (a) fi sebanyak RM
 - (b) butir-butir lanjut mengenai bangunan yang dibina di atas tanah tersebut di atas seperti dalam Lampiran “A”; dan
 - (c) suatu salinan pelan bangunan yang diluluskan.

Bertarikh..... haribulan, 20.....

.....
Tandatangan Pemohon

JADUAL

Daerah Presint.....
 No. Lot
 Jenis dan No. Hakmilik.....

LAMPIRAN ‘A’

BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI BANGUNAN/BANGUNAN-BANGUNAN YANG DIPOHON UNTUK DIKELASKAN SEBAGAI BANGUNAN/ BANGUNAN-BANGUNAN KOS RENDAH

1. Lokasi bangunan/bangunan-bangunan:
2. Bilangan bangunan:
3. Jenis pembinaan bangunan:
4. Kos bangunan/bangunan-bangunan:
5. Bilangan tingkat:
6. Bilangan petak:
7. Bilangan bilik dalam setiap petak:
8. Harga jualan petak:
9. Syarat-syarat lain dalam penjualan petak (misalnya, hanya boleh dijual kepada mereka yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM1500.00)
10. Tarikh bangunan disiapkan:
11. Lain-lain maklumat berkaitan (misalnya kemudahan-kemudahan dsb.):

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 18(2))

Borang J

PERAKUAN BAGI BANGUNAN/BANGUNAN-BANGUNAN KOS RENDAH

Adalah dengan ini diperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan yang dibina atas tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dikelaskan sebagai bangunan/bangunan-bangunan kos rendah oleh Menteri.

Bertarikh.....haribulan.....20

.....
*Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan Putrajaya*

JADUAL

Daerah Presint.....
No. Lot.....
Jenis dan No. Hakmilik.....

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

(Subkaedah 19(2))

Borang K

DAFTARAI STRATA BAGI

.....
(masukkan nama Perbadanan Pengurusan)
.....

BUTIR-BUTIR MENGENAI BANGUNAN/
BANGUNAN-BANGUNAN YANG DIPECAH BAHAGI

PERIHAL LOT

No. Lot
Presint.....
Daerah.....
Luas

PERIHAL HAKMILIK

Perihal dan No. Hakmilik

PERIHAL BANGUNAN/BANGUNAN-BANGUNAN

Bilangan bangunan
 Bilangan tingkat bagi setiap bangunan
 Bilangan petak dalam setiap bangunan
 Bilangan blok sementara (jika ada)
 Jenis kegunaan bangunan/bangunan-bangunan: * Kegunaan satu jenis/serba guna
 Nyatakan jenis kegunaan
 Jumlah Unit Syer

PERIHAL PEMILIK ASAL

Nama pemilik asal
 Alamat (untuk menyampaikan notis)

PERIHAL PERBADANAN PENGURUSAN

Nama Perbadanan Pengurusan
 Alamat (untuk menyampaikan notis)

[UNTUK DIGUNAKAN BAGI TIAP-TIAP PETAK]

NO. PETAK
No. Hakmilik/No. Bangunan/No. Tingkat/No. Petak

Bilangan Unit Syer bagi petak

Alamat:

REKOD PEMILIK/PEMILIK-PEMILIK

PEMILIK ASAL (dari folio Daftarai Strata)	
<i>Nama</i>	<i>Alamat</i>

PEMILIK/PEMILIK-PEMILIK BERIKUT (daripada notis kepada P.P)					
<i>No. Notis</i>	<i>Nama</i>	<i>Alamat</i>	<i>Tarikh Pindah milik</i>	<i>Tarikh Pendaftaran</i>	<i>Catatan</i>

GADAIAN - I (daripada notis kepada P.P)

<i>No. Notis</i>	<i>Nama Pemegang Gadaian</i>	<i>Alamat (untuk surat-menyurat)</i>	<i>Gadaian</i>		<i>Discharge of Charge</i>	
			<i>Tarikh Pendaftaran</i>	<i>No. Perserahan</i>	<i>Tarikh Pendaftaran</i>	<i>No. Perserahan</i>

GADAIAN-GADAIAN - II (daripada notis-notis kepada P.P.)

<i>No. Notis</i>	PINDAH MILIK GADAIAN					<i>Alamat (untuk surat-menyurat)</i>
	<i>No. Gadaian</i>	<i>Dari</i>	<i>Kepada</i>	<i>Tarikh Pendaftaran</i>	<i>No. Perserahan</i>	

PAJAKAN (daripada notis kepada P.P.)

SURAT CARA PAJAKAN		PEMEGANG PAJAKAN		PENAMATAN PAJAKAN		PINDAH MILIK PAJAKAN	
<i>Tarikh Pendaftaran</i>	<i>No. Perse- rahan</i>	<i>Nama</i>	<i>Alamat (untuk surat- menyurat)</i>	<i>Tarikh Penda- faran</i>	<i>No. Per- serahan</i>	<i>Tarikh Pen- daftar- an</i>	<i>No. Per- serahan</i>

KEPENTINGAN-KEPENTINGAN LAIN (daripada notis-notis kepada P.P.)

<i>Nama</i>	<i>Alamat (untuk surat- menyurat)</i>	<i>No. Notis</i>	<i>Jenis Kepentingan dsb.</i>

(UNTUK DIGUNAKAN BAGI TIAP-TIAP BLOK SEMENTARA)

No. Blok Sementara	<i>No. Hakmilik/No. Blok Sementara</i>
Bil. Unit Berkongsi Sementara	
Jumlah bil. Unit Syer	

REKOD PEMILIK

PEMILIK ASAL (dari folio Daftarai Strata)	
<i>Nama</i>	<i>Alamat</i>

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA)
2003

(Subkaedah 20(1))

Borang L

*PERMOHONAN UNTUK PELANTIKAN ORANG/BADAN
UNTUK MENJALANKAN KUASA DAN MENUNAIKAN
KEWAJIPAN DAN FUNGSI PERBADANAN PENGURUSAN
BANGUNAN YANG DIPECAH BAHAGI SELAIN DARIPADA
BANGUNAN KOS RENDAH*

Kepada:

Pentadbir Tanah,

.....

*Saya/Kami
sebagai pemilik/pemegang gadaian/pemajak

bagi petak/petak-petak dengan ini memohon kepada
Menteri di bawah Seksyen 50 Akta Hakmilik Strata 1985 untuk melantik seorang atau suatu badan
untuk menjalankan kuasa, menunaikan kewajipan dan fungsi perbadanan pengurusan bangunan
yang dipecah bahagi atas tanah yang dijadualkan di bawah, berdasarkan kepada alasan-alasan
berikut;

(Disini nyatakan

alasan-alasan.....

permohonan)

(kertas tambahan boleh dilampirkan jika perlu)

2. *Saya/Kami mengemukakan bersama bayaran yang ditetapkan sebanyak RM.....

Bertarikh haribulan 20

.....
*Tandatangan Pemohon/
Pemohon-Pemohon*

JADUAL

Daerah Presint

No. Lot

Jenis dan No. Hakmilik

Nama Perbadanan Pengurusan

Alamat (untuk penyampaian notis)

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

Rujukan fail

A. Kepada:

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan Putrajaya

1. Permohonan diterima pada
2. Alasan-alasan membuat permohonan telah ditentusahkan.
Laporan dikepulkan bersama-sama ini.

.....
Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh

B. Permohonan *diluluskan/ditolak oleh Menteri.

.....
Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

* Potong sebagaimana yang sesuai.

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA)
2003

(Subkaedah 20(2))

Borang M

*PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN ORANG/BADAN UNTUK
MENJALANKAN KUASA DAN MENUNAIKAN
KEWAJIPAN DAN FUNGSI PERBADANAN PENGURUSAN
BANGUNAN KOS RENDAH YANG DIPECAH BAHAGI*

Kepada:

Pentadbir Tanah,
.....
.....

Kami, yang bertandatangan di bawah ini, sebagai ahli-ahli majlis perbadanan pengurusan bangunan yang dipecah bahagi atas tanah yang dijadualkan di bawah, dengan ini pemohon kepada Menteri di bawah Seksyen 67 Akta Hakmilik Strata, 1985 untuk melantik seorang atau suatu badan untuk menjalankan kuasa, menunaikan kewajipan dan fungsi Perbadanan Pengurusan, menurut ketetapan Perbadanan di Mesyuarat Agung Tahunan yang telah diadakan pada

20 di.....

2. Kami mengemukakan bersama-sama ini satu salinan ketetapan itu yang diakui sah.

Bertarikh haribulan 20

TANDA METERAI

.....
Tandatangan Ahli-Ahli Majlis

JADUAL

Daerah Presint

No. Lot

Jenis dan No. Hakmilik

Nama Perbadanan Pengurusan

Alamat (untuk penyampaian notis)

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

Rujukan Fail

A. Kepada:
Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan Putrajaya

1. Permohonan diterima pada
2. Ketetapan perbadanan pengurusan telah ditentusah dengan sempurna.
3. Syor.

.....
Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh

B. Permohonan *diluluskan/ditolak oleh Menteri.

.....
Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh

* Potong sebagaimana yang sesuai.

STRATA TITLES ACT 1985

STRATA TITLES (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA)
RULES 2003

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application
4. Administration fees
5. Exemption of fees in certain cases
6. Deposit
7. Total exemption of fees in specific matters
8. Convening of the first annual general meeting of management corporation
9. Quorum at the first annual general meeting
10. Chairman of the first annual general meeting
11. Decision at the first annual general meeting
12. Manner of deciding questions at the first annual general meeting
13. Proxy
14. Voting rights of proprietors
15. Voting rights of co-proprietors
16. Record of number of votes at the election of council members
17. Nomination of candidates to be elected to the council
18. Classification of buildings as low-cost and issue of certificate
19. Maintenance of strata rolls
20. Application for appointment of person or body to exercise powers, etc. of management corporation

SCHEDULE I

SCHEDULE II

STRATA TITLES ACT 1985

STRATA TITLES (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) RULES 2003

IN exercise of the powers conferred by section 81 of the Strata Titles Act 1985 [Act 318], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Strata Titles (Federal Territory of Putrajaya) Rules 2003**.

(2) These Rules come into operation on 9 January 2003.

Interpretation

2. In these Rules—

“the Act” means the Strata Titles Act 1985;

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for lands in the Federal Territory of Putrajaya;

“public authority” means the Perbadanan Putrajaya or the Federal Land Commissioner; and

“Federal Territory” means the Federal Territory of Putrajaya.

Application

3. Every application, other than an application for which a form has been prescribed in the First Schedule to the Act, shall be made in writing in the form prescribed in Schedule II to these Rules.

Administration fees

4. The fees payable for various applications and actions under the Act and these Rules shall be as specified in Schedule I to these Rules.

Exemption of fees in certain cases

5. Notwithstanding rule 4, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Putrajaya may in any particular case or in respect of any particular area, grant partial or total exemption from the payment of the prescribed fees.

Deposit

6. (1) The notice calling for a deposit required under paragraph 9(2)(c) of the Act shall be made in Form A.

(2) A letter in Form B shall accompany every payment of deposit.

Total exemption of fees in specific matters

7. Notwithstanding rule 4, no fees shall be payable in respect of the following matters:

- (i) application by any public authority to subdivide a low-cost building;
- (ii) application by management corporation under section 67 of the Act; and
- (iii) application by any public authority to classify its building to be a low-cost building and to be issued with a certificate in the Form J.

Convening of the first annual general meeting of management corporation

8. (1) The original proprietor, other than a proprietor of a low cost-building, shall convene the first annual general meeting of the management corporation within one month after the expiration of the initial period as required by section 41 of the Act by giving a written notice of such meeting in Form C to all parcel proprietors constituting the management corporation not less than fourteen days before the meeting.

(2) The original proprietor of a low-cost building shall convene the first annual general meeting of the management corporation within one month from the establishment of the management corporation as required by section 65 of the Act by giving a written notice of such meeting in Form D to all parcel proprietors constituting the management corporation not less than fourteen days before the meeting.

Quorum at the first annual general meeting

9. (1) One-half of the persons entitled to vote shall constitute a quorum at the first annual general meeting.

(2) If within half an hour after the time appointed for the general meeting, a quorum is not present, the meeting shall stand adjourned to the same day in the next week at the same place and time, and if at the adjourned meeting a quorum is not present within half an hour after the time appointed for the meeting, those persons entitled to vote who are present shall constitute a quorum.

Chairman of the first annual general meeting

10. The first annual general meeting shall be presided over by a chairman who shall be elected, from among themselves, by those persons present who are entitled to vote.

Decision at the first annual general meeting

11. (1) The agenda for the first annual general meeting of the management corporation of any subdivided building, other than a low-cost building, shall include the following matters:

- (a) to decide whether to confirm, vary or extend insurances effected by the management corporation;

- (b) to decide whether to confirm or vary any amounts determined as contributions to the management fund;
 - (c) to determine the number of members of the council and to elect the council where there are more than three parcel properties; and
 - (d) to decide whether to amend, add to or repeal the by-laws in force immediately before the holding of the meeting.
- (2) The agenda for the first annual general meeting in respect of low-cost building shall include the following matters:
- (a) to decide whether the management corporation shall manage the subdivided building in accordance with the provisions of the Act or apply to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Putrajaya for the appointment of a person or body to be charged with the duties, powers and functions of the original proprietor as provided for under the Act;
 - (b) in the event the management corporation decides to operate under the provisions of the Act—
 - (i) to decide whether to confirm, vary or extend insurances effected by the original proprietor;
 - (ii) to decide whether to confirm or vary any amounts determined as contributions to the management fund;
 - (iii) to determine the number of members of the council and to elect the council where there are more than three parcel proprietors; and
 - (iv) to decide whether to amend, add to or repeal the by-laws in force immediately before the holding of the meeting.

Manner of deciding questions at the first annual general meeting

